

# BFOS, UniMAP Jalin Kerjasama

## Untuk Penajaan Pelajar Yemen

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Benevolent Fund for Outstanding Student (BFOS) menjalin kerjasama untuk penajaan 79 pelajar Yemen melanjutkan pengajian mereka dalam bidang kejuruteraan di universiti itu. Dekan Pusat Kejuruteraan dan Inovasi UniMAP Prof Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali berkata para pelajar itu akan mengikuti kursus intensif bahasa Inggeris (IEC) selama enam bulan di UniMAP sebelum meneruskan pengajian mereka di peringkat ijazah.

BFOS, yang merupakan pembekal dana untuk pelajar cemerlang di Yemen, akan memantau perkembangan penuntut tajaan mereka bagi memastikan kesemuanya berjaya dalam pengajian. Beliau berkata demikian selepas mewakili UniMAP menandatangani perjanjian kerjasama itu di Riyadh pada 2 Julai 2013 sempena lawatan kerja DYTM Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP ke Riyadh, Arab Saudi. Majlis diadakan di kediaman rasmi Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi Prof Datuk Syed Omar Al Sagaff.

